

05/10/1997

Ahli perniagaan sokong Mahathir

Mustapa Omar in Buenos Aires

BUENOS AIRES: Kumpulan ahli perniagaan Malaysia yang menyertai rombongan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Amerika Latin, menyokong langkah kerajaan menangani serangan terhadap ringgit dan pasaran saham tempatan.

Sokongan padu itu disampaikan sendiri oleh ketua delegasinya, Tan Sri Francis Yeoh Sock Ping, dalam pertemuan di antara Perdana Menteri dan ahli perniagaan Malaysia di sini, lewat petang kelmarin.

Menurut Dr Mahathir, beliau menghargai sokongan itu dan berharap ahli perniagaan terbabit dapat menyokong sebarang rancangan yang akan dilaksanakan kerajaan bagi menyelesaikan isu itu.

"Mereka memberi sokongan kepada saya dan saya menghargainya," kata Dr Mahathir kepada wartawan Malaysia selepas pertemuan berkenaan.

Pertemuan itu adalah yang kedua sepanjang lawatan Dr Mahathir ke Cuba, Chile, Uruguay dan Argentina sejak 25 September lalu. Pertemuan pertama diadakan pada akhir lawatan di Chile.

Ahli-ahli perniagaan Malaysia menyatakan pendirian itu berikutan tekanan berterusan ke atas ringgit dan pasaran saham, selain langkah pihak tertentu sengaja menyebarkan khabar angin mengenai hubungan Perdana Menteri dengan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Khabar angin itu dipercayai sengaja disebar oleh pihak tertentu untuk menakut-nakutkan pelabur dan syarikat tempatan sehingga mereka menjual ringgit yang dimiliki.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan sedang mengkaji secara lebih terperinci mengenai masalah yang dihadapi sekarang, sebelum membuat perancangan dan cadangan bagi mengatasi masalah itu.

Terdahulu, dalam sidang akhbar bersama wartawan asing, Perdana Menteri ditanya apakah benar beliau akan meletakkan jawatan dan akan membuat kenyataan penting melalui televisyen pada 11 Oktober ini.

"Saya tidak akan meletak jawatan dan mengenai apa yang disebut sebagai kenyataan penting melalui televisyen itu, saya tidak tahu menahu, malah saya tidak pernah merancang untuk mengadakannya," katanya.

Ditanya kemungkinan Amerika Syarikat akan melaksanakan sekatan terhadap Petronas kerana melabur dalam industri minyak Iran, Perdana Menteri berkata, jika tindakan itu hendak dilaksanakan, ia perlu juga membabitkan syarikat Perancis dan Russia yang turut aktif di sana supaya ia lebih adil.

Baru-baru ini, Amerika mengugut untuk mengenakan sekatan terhadap syarikat minyak Perancis, Total, kerana pembabitannya dalam projek di Iran. Petronas adalah salah sebuah syarikat yang terbabit dalam konsortium itu.

Mengenai hubungan di antara wang dadah dan krisis mata wang yang melanda beberapa negara Asia sekarang, beliau berkata, memang banyak wang mengalir daripada kegiatan pengedaran dadah.

"Wang ini perlu dilabur di tempat sesuai dan tidak mustahil wang hasil penjualan dadah itu meninggalkan kesan terhadap perniagaan," katanya.

Mengenai cadangan Jepun mewujudkan Tabung Kewangan Asia seperti yang dikemukakan ketika mesyuarat tahunan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)/Bank Dunia baru-baru ini, Dr Mahathir berkata, Malaysia menyokong idea itu.

(END)